



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 24 Mei 2023 (Rabu) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
 Unit Komunikasi Korporat
 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<p>Saranan Capai 30 Peratus Ahli Parlimen Wanita Tidak Mustahil</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/259893/berita/nasional/saranan-capai-30-peratus-ahli-parlimen-wanita-tidak-mustahil</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/666127</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/23/m039sia-close-to-30-target-of-women-leaders-in-business-but-far-from-it-in-parliament</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=S1N4XNOJvPI</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=dFqYnnYCBlo</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>The Star</p> <p>Kini TV</p> <p>The Star</p>

	https://www.sinardaily.my/article/196719/malaysia/national/possible-to-achieve-30-per-cent-female-mps-target-says-nancy	Sinar Daily
2	<p>Peraturan Wanita Sebagai Ahli Lembaga Pengarah Meningkatkan – Nancy</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/64051-peraturan-wanita-sebagai-ahli-lembaga-pengarah-meningkat-nancy</p> <p>https://harakahdaily.net/index.php/2023/05/23/kaji-pembabitan-wanita-dalam-dunia-korporat/</p>	<p>Berita RTM</p> <p>Harakah Daily</p>
3	<p>JKM Sarawak Urus 1,466 Kes Kanak-Kanak, 622 Kes Hamil Luar Nikah</p> <p>https://suarasarawak.my/jkm-sarawak-urus-1466-kes-kanak-kanak-622-kes-hamil-luar-nikah/</p>	Suara Sarawak
4	<p>Perak Wajibkan Taska Pasang CCTV</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/259919/edisi/perak/perak-wajibkan-taska-pasang-cctv</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/perak-wajibkan-taska-pasang-cctv-420743</p> <p>https://www.buzzkini.com/news/2023/05/23/kerajaan-perak-wajibkan-pemasangan-cctv-mahu-elak-berlaku-kes-penderaan-pengabaian/</p> <p>https://newsway.com/article/perak-wajibkan-taska-pasang-cctv-A2305_CtZcIG</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Buzz Kini</p> <p>Newsway</p>
5	<p>Pegawai Intervensi Krisis Diwujudkan, Diberi Kuasa 'Tangkap' Individu Cuba Bunuh Diri</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/05/11/05062/pegawai-intervensi-krisis-diwujudkan-diberi-kuasa-tangkap-individu-cuba</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/666183</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Malaysia Kini</p>
6	<p>Kanak-Kanak Lelaki 12 Tahun Maut Dibaham Buaya</p>	

	<p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/kanak-kanak-lelaki-12-tahun-maut-dibaham-buaya/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/259883/berita/semasa/budak-maut-dibaham-buaya-ketika-cari-siput</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/budak-maut-dibaham-buaya-ketika-cari-siput-420791</p> <p>https://www.hmetro.com.my/utama/2023/05/970011/kanak-kanak-maut-dibaham-buaya</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=U_Zi0_gfLxw</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/23/mayat-kanak-kanak-lelaki-dibaham-buaya-ditemukan</p>	<p>Utusan</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Harian Metro</p> <p>Malaysia Gazette TV</p> <p>Utusan Borneo</p>
7	<p>Kanak-Kanak Lelaki Lemas Jatuh Sungai</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/05/23/kanak-kanak-lelaki-lemas-jatuh-sungai/</p>	<p>Kosmo</p>
8	<p>Kanak-Kanak Berdepan Isu Kesihatan Mental</p> <p>https://harakahdaily.net/index.php/2023/05/23/kanak-kanak-berdepan-isu-kesihatan-mental/</p>	<p>Harakah Daily</p>
9	<p>Disangka Mainan Kanak-Kanak, Rupa-Rupanya Bom</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/disangka-mainan-kanak-kanak-rupa-rupanya-bom/</p>	<p>Buletin TV3</p>
10	<p>Bayi Lima Bulan, Kanak-Kanak Cedera Tercampak Daripada Lori</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/64012-bayi-lima-bulan-kanak-kanak-cedera-tercampak-daripada-lori</p>	<p>Berita RTM</p>
11	<p>Wanita Jalan Kaki Dua Jam Sambil Dukung Anak</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/05/23/wanita-jalan-kaki-dua-jam-sambil-dukung-anak/</p>	<p>Kosmo</p>

12	<p>Pekerja Penyelenggaraan Didenda RM6,000 Miliki 169 Gambar, Video Lucah</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pekerja-penyelenggaraan-didenda-rm6000-miliki-169-gambar-video-lucah-420788</p>	Astro Awani
13	<p>Polis Cari Penunggang Motosikal Rempuh Kereta Warga Emas</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/05/23/polis-cari-penunggang-motosikal-rempuh-kereta-warga-emas/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/259824/berita/semas-a/polis-kesan-penunggang-motosikal-rempuh-kereta</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/05/23/video-rempuh-kereta-keluar-simpang-polis-cari-penunggang-motosikal/</p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Kosmo</p>
14	<p>Warga Emas Maut, Terjatuh Gaung Di Genting Highlands</p> <p>https://www.edisi9.com.my/2023/05/warga-emas-maut-terjatuh-gaung-di-genting-highlands/</p>	Edisi 9
15	<p>Gadis OKU Mohon Bantuan Ketuhar Besar Buat Biskut, Kek Dan Pastry</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/gadis-oku-mohon-bantuan-ketuhar-besar-buat-biskut-kek-dan-pastri/</p> <p>https://luminews.my/news/1308636</p>	<p>Utusan</p> <p>Luminews</p>

SARANAN CAPAI 30 PERATUS AHLI PARLIMEN WANITA TIDAK MUSTAHIL

<https://www.sinarharian.com.my/article/259893/berita/nasional/saranan-capai-30-peratus-ahli-parlimen-wanita-tidak-mustahil>

Sumber : Sinar Harian



KUALA LUMPUR - Saranan untuk mencapai bilangan Ahli Parlimen wanita sebanyak 30 peratus daripada jumlah keseluruhan dilihat masih jauh tetapi tidak mustahil dapat dicapai.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, ia memerlukan keazaman politik daripada kedua-dua belah parti sama ada pembangkang ataupun kerajaan dalam merealisasikan hasrat tersebut.

“Walaupun tanpa ada pengubalan atau pindaan undang-undang untuk memaksa mana-mana pihak memberi peluang atau ruang untuk menyaksikan wanita mewakili sekurang-kurangnya tiga puluh peratus daripada jumlah ahli di dewan rakyat.

“Secara peribadi saya berpandangan ia masih jauh untuk dicapai, namun ia bukanlah sesuatu yang mustahil sekiranya semua pihak benar-benar ikhlas dan bersungguh untuk mengambil inisiatif dalam merealisasikannya.

“Saya nyatakan demikian kerana ia amat bergantung kepada keazaman politik untuk mencapai hasrat itu,” katanya.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pertanyaan soalan Datuk Seri Dr Noraini Ahmad (BN-Parti Sulong) yang meminta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyatakan usaha dalam menggalakkan penyertaan golongan wanita dalam Parlimen agar boleh mencapai 30 peratus.

Setakat ini, bilangan Ahli Parlimen wanita masih belum mencapai 20 peratus daripada jumlah keseluruhan di Dewan Rakyat.

Dalam pada itu, ujar Nancy, kerajaan turut menggaris dan melaksanakan pelbagai strategi

untuk menyokong usaha mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan.

Menurutnya, ia merangkumi penambahbaikan perundangan dan dasar untuk menyediakan persekitaran yang selamat dan kondusif untuk wanita, menyediakan persekitaran yang menyokong penglibatan wanita serta menyediakan peluang serta akses kepada latihan, meningkatkan kesedaran serta kolaborasi bersama pelbagai pemegang taruh.

“KPWKM turut bekerjasama dengan pihak universiti, badan bukan kerajaan dan pihak swasta dalam melaksanakan pelbagai bentuk latihan untuk memperkasakan wanita dengan kemahiran dan berdaya tahan untuk bersaing dalam pasaran pekerjaan formal.

“Usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Malaysia dalam mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30% penglibatan wanita ini juga diiktiraf dunia, apabila delegasi Malaysia yang diwakili KPWKM telah dianugerahkan Ministerial Award menerusi pembentangan bertajuk “Women Empowerment: At Least 30% of Women in Decision Making Position” semasa 2023 Global Summit of Women yang telah di adakan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu pada awal bulan ini,” ujarnya.

PERATUSAN WANITA SEBAGAI AHLI LEMBAGA PENGARAH MENINGKAT – NANCY

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/64051-peratusan-wanita-sebagai-ahli-lembaga-pengarah-meningkat-nancy>

Sumber : Berita RTM



KUALA LUMPUR, 23 Mei- Statistik wanita di Kumpulan Pengurusan Tertinggi dalam sektor perkhidmatan awam mencapai 38.8 peratus, setakat Disember 2022.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata ia merangkumi 56 peratus daripada 27 kementerian termasuk Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Manakala peratusan wanita sebagai ahli lembaga Pengarah di 100 syarikat tersenarai awam teratas turut mencatat peningkatan.

"Terdapat peningkatan ketara yang ditunjukkan. Sebagai perbandingan, statistik pada tahun 2016 menunjukkan hanya 14 peratus Syarikat Senaraian Awam (PLC) melepasi sasaran ini. Manakala berdasarkan laporan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bertarikh 1 April 2023, bilangan ini telah meningkat kepada 29.7 peratus iaitu hanya sekurang-kurangnya dua kerusi untuk mencapai sasaran 30 peratus ini," katanya ketika menjawab soalan Ahli Parlimen Langkawi, Datuk Mohd Suhaimi Abdullah di Dewan Rakyat di sini.



(Foto BERNAMA)

JKM SARAWAK URUS 1,466 KES KANAK-KANAK, 622 KES HAMIL LUAR NIKAH

<https://suarasarawak.my/jkm-sarawak-urus-1466-kes-kanak-kanak-622-kes-hamil-luar-nikah/>

Sumber : Suara Sarawak



KUCHING: Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS) mengendalikan sebanyak 1,466 kes menurut Akta Kanak-Kanak 2001 untuk tempoh Januari 2022 hingga April 2023.

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Datuk Sri Fatimah Abdullah, ia merangkumi 638 kes yang memerlukan perlindungan segera termasuk 622 kes hamil luar nikah.

“Selain itu, terdapat sebanyak 403 kes pemeliharaan dan perlindungan di bawah Seksyen 17 dan Seksyen 41; sejumlah 41 kes kanak-kanak tidak terkawal di bawah Seksyen 46 dan 384 kes terlibat dengan jenayah di bawah Seksyen 91,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika dalam ucapan penggulungan kementeriannya pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak, di sini, hari ini.

“Daripada jumlah tersebut, seramai 82 telah diperintahkan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak untuk ditempatkan ke institusi kebajikan seperti Rumah Kanak-Kanak (RKK), Asrama Akhlak (AA), Sekolah Tunas Bakti (STB) / Sekolah Henry Gurney Puncak Borneo dan Taman Seri Puteri (TSP),” tambahnya.

Untuk berita terperinci, sila dapatkan daripada e-paper atau akhbar Suara Sarawak di pasaran.

PERAK WAJIBKAN TASKA PASANG CCTV

<https://www.sinarharian.com.my/article/259919/edisi/perak/perak-wajibkan-taska-pasang-cctv>

Sumber : Sinar Harian



IPOH - Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) diwajibkan ke atas semua taman asuhan kanak-kanak (Taska) di Perak, kata Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Pembangunan Usahawan, Salbiah Mohamed.

Beliau berkata, ketetapan itu dikenakan ke atas Taska yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kecuali yang beroperasi di rumah sebagai langkah pencegahan kejadian tidak diinginkan seperti penderaan.

"Setakat ini sebanyak 225 taska di seluruh Perak direkodkan berdaftar dengan JKM.

"Daripada jumlah berkenaan 112 taska berdaftar terletak di Kinta, Manjung (23), Perak Tengah (19), Larut Matang dan Selama (15), Hilir Perak (13), Kuala Kangsar (11), Kerian (8), Batang Padang dan Mualim (7), Hulu Perak dan Kampar (5)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Norhaslinda Zakaria (PN-Pangkor) dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak di sini pada Selasa.

Salbiah (BN-Temengor) berkata, mana-mana pengusaha yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 dan Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012, boleh diambil tindakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Katanya, antara tindakan dikenakan termasuklah arahan bertulis, tutup sementara, kompaun, pendakwaan dan pembatalan perakuan.

"JKM menerusi Pegawai Diberi Kuasa (PDBK) turut melaksanakan pemantauan dan lawatan ke atas Taska dua kali setahun.

"Teguran akan dibuat jika terdapat sebarang ketidakpatuhan dalam pengurusan pusat berkenaan," katanya.

PEGAWAI INTERVENSI KRISIS DIWUJUD, DIBERI KUASA 'TANGKAP' INDIVIDU CUBA BUNUH DIRI

<https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/05/1105062/pegawai-intervensi-krisis-diwujudkan-diberi-kuasa-tangkap-individu-cuba>

Sumber : Berita Harian



KUALA LUMPUR: Dewan Rakyat hari ini meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Kesihatan Mental (Pindaan) 2023 bagi mewujudkan pegawai intervensi krisis yang diberi kuasa untuk menangkap seseorang yang cuba membunuh diri.

RUU itu diluluskan dengan lebih suara bersetuju selepas dibahas 13 Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang.

Pindaan ke atas Akta Kesihatan Mental 2001 (Akta 615) itu susulan kepada kelulusan RUU Kanun Keseksaan (Pindaan) 2023 oleh Dewan Rakyat semalam, yang bertujuan memansuhkan kesalahan percubaan bunuh diri, selain satu lagi RUU berkaitan iaitu RUU Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2023.

Terdahulu, ketika membentangkan RUU berkenaan untuk bacaan kali kedua, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Ramkarpal Singh, berkata kerajaan perlu bersedia dari segi penguatkuasaan berkesan dan pengurusan individu yang didapati ingin melakukan tindakan bunuh diri.

"Terdapat keperluan bagi mewujudkan pegawai intervensi krisis di bawah Akta 615, yang menjadi 'first responder' (pihak paling awal bertindak balas) dalam menangani kes berkenaan.

"Rasional pewujudan pegawai ini adalah bagi memastikan tindakan kepada kes percubaan bunuh diri dapat dilaksanakan dengan segera dan berkesan, selain melindungi nyawa seseorang yang cuba membunuh diri dan menjamin keselamatan masyarakat umum," katanya.

Ramkarpal berkata, melalui Fasal 2 RUU berkenaan, kuasa diberikan kepada mana-mana pegawai intervensi krisis untuk menangkap mana-mana individu yang dipercayai bercelaru mental, yang berbahaya kepada dirinya atau kepada orang lain atau harta, atau mana-mana orang yang cuba membunuh diri.

Beliau menegaskan, istilah menangkap di bawah RUU berkenaan tidak bermaksud penangkapan atau 'arrest' seperti mana berlaku dalam kes jenayah.

Sebaliknya, bagi maksud penangkapan, katanya, pegawai itu diberi kuasa untuk memasuki mana-mana premis pada bila-bila masa yang perlu dan boleh memecah buka mana-mana pintu atau tingkap luar serta masuk ke dalam atau masuk secara paksa ke dalam premis.

"Selanjutnya, pegawai intervensi krisis itu hendaklah membawa orang yang ditangkap itu ke hospital psikiatri kerajaan atau hospital psikiatri swasta yang diwartakan tidak lewat daripada 24 jam selepas penangkapan itu untuk pemeriksaan," katanya.

Ramkarpal memaklumkan, pegawai intervensi krisis yang diwujudkan di bawah Seksyen 11 Akta 615 terdiri daripada gabungan beberapa jabatan dan agensi penguat kuasa, iaitu pegawai polis, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, bomba, bomba bantuan dan sukarela serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), selain anggota Angkatan Pertahanan Awam (APM).

"Keanggotaan pegawai intervensi krisis ini adalah satu bentuk tanggungjawab bersama, merentasi pelbagai jabatan dan agensi, yang menjadi manifestasi suatu bentuk persefahaman yang menyeluruh bagi memperkukuh tindakan penguatkuasaan oleh agensi penguat kuasa kerajaan," katanya.

Pada sesi penggulungan RUU berkenaan, Ramkarpal berkata, empat institusi mental menyediakan perkhidmatan penilaian kesihatan mental terhadap orang yang ditangkap kerana cuba membunuh diri bagi tujuan pengesahan laporan perubatan.

"Individu yang memerlukan pemeriksaan itu akan diletakkan di bawah perhatian pakar psikiatri yang bertauliah. Orang yang dituduh perlu menjalani pemeriksaan ini di bawah arahan mahkamah.

"Laporan pakar akan disediakan dalam tempoh sebulan selepas pemerhatian melalui kamera litar tertutup (CCTV) bagi menilai tingkah laku tertuduh sebelum pakar bertugas membuat laporan kepada mahkamah. Ini juga diperuntukkan di bawah Kanun Acara Jenayah," katanya.

KANAK-KANAK LELAKI 12 TAHUN MAUT DIBAHAM BUAYA

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/kanak-kanak-lelaki-12-tahun-maut-dibaham-buaya/>

Sumber : Utusan



SANDAKAN: Seorang kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun yang hilang dipercayai dibaham buaya ditemukan maut di perairan Pulau Sumangat Payau semalam. Mangsa difahamkan sedang mencari siput sebelum dilaporkan hilang pada petang semalam. Namun, kehilangan mangsa hanya dilaporkan pada pagi semalam. Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sandakan, Severinus Sainkui berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada pukul 8.25 pagi tadi bagi mencari...

KANAK-KANAK LELAKI LEMAS JATUH SUNGAI

<https://www.kosmo.com.my/2023/05/23/kanak-kanak-lelaki-lemas-jatuh-sungai/>

Sumber : Kosmo



SEBERANG PERAI – Seorang kanak-kanak lelaki ditemui lemas selepas dipercayai terjatuh di Sungai Alor Merah, Kampung Alor Merah di sini semalam.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Asisten Komisioner Mohd Asri Shafie berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian terbabit kira-kira pukul 5.10 petang.

“Seorang pegawai dan empat anggota Balai Bomba dan Penyelamat (BPP) Butterworth tiba di lokasi berkenaan kira-kira 10 minit kemudian dan menjalankan operasi mencari dan menyelamatkan mangsa.

“Mangsa ditemui di dalam sungai berhampiran jambatan kecil dan anggota bomba bertindak melakukan Resusitasi Kardiopulmonari (CPR) sebelum dibawa ke Hospital Seberang Jaya (HSJ) untuk rawatan lanjut,” katanya kepada pemberita di sini malam ini.

Katanya, mangsa dilaporkan meninggal dunia kira-kira pukul 7 petang dan hasil bedah siasat mendapati mangsa meninggal dunia akibat lemas – KOSMO! ONLINE

KANAK-KANAK BERDEPAN ISU KESIHATAN MENTAL

<https://harakahdaily.net/index.php/2023/05/23/kanak-kanak-berdepan-isu-kesihatan-mental/>

Sumber : Harakah Daily



KUALA LUMPUR: Dato' Ahmad Yahaya (PN-Pokok Sena) berkata, isu kesihatan mental bukan hanya melibatkan golongan dewasa, malah kanak-kanak tidak terkecuali mengalaminya.

“Kita perlu sedar bahawa isu kesihatan mental tidak hanya melanda golongan dewasa, bahkan apa yang membimbangkan kes prevalens (tersebar luas) dalam kalangan kanak-kanak.

“Tinjauan Kesihatan dan Morbiliti Kebangsaan 2019 mengesahkan 424,000 kanak-kanak mengalami masalah kesihatan mental dan separuh daripada mereka dikenal pasti sejak usia 14 tahun, manakala sebahagian lain dikesan ketika usia awal remaja,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika sesi perbahasan Rang Undang-Undang Kesihatan Mental (Pindaan) di Dewan Rakyat, hari ini.

Sehubungan itu, beliau yang juga Ketua Dewan Ulamak PAS Pusat, meminta kerajaan menyatakan bilangan guru kaunseling yang menerima latihan khusus berkaitan kesihatan mental bagi menangani masalah itu yang berada pada tahap membimbangkan.

Beliau juga ingin tahu sejauh mana sekolah melaksanakan jaringan strategik dengan pakar psikiatrik di hospital berdekatan dan sejauh mana penglibatan mereka dalam pelan pengurusan kemurungan bunuh diri dan bencana.

Ketika bacaan kali pertama pada April lalu, pindaan RUU ini membolehkan pegawai intervensi krisis menangkap mana-mana orang yang cuba membunuh diri.

Selain itu, pegawai intervensi krisis ketika menjalankan kuasa mengikut subseksyen (2) untuk memecah mana-mana pintu atau tingkap luar atau dalam mana-mana premis dan masuk ke dalam, atau selainnya masuk secara paksa ke dalam premis dan mana-mana bahagian premis itu atau memindahkan secara paksa apa-apa halangan kepada laluan masuk itu.

– HARAKAHDAILY 23/5/2023

DISANGKA MAINAN KANAK-KANAK, RUPA-RUPANYA BOM

<https://www.buletintv3.my/nasional/disangka-mainan-kanak-kanak-rupa-rupanya-bom/>

Sumber : Buletin TV3



JERTIH: Seorang pemandu jentolak menemui dua butir bom lama ketika melakukan kerja pembersihan tanah berhampiran sebuah dewan terbuka di Seberang Jertih di sini, tengah hari tadi.

Ketua Polis Daerah Besut Supt Abdul Rozak Muhammad berkata lelaki berusia 32 tahun itu, menemukan bom itu ketika sedang menggali lubang di kawasan itu pada pukul 1.30 tengah hari.

“Objek berbentuk bujur dan berwarna perak menyerupai bom itu, berada di dalam tanah di kawasan yang dibersihkan oleh pemandu jentolak tersebut.

“Lelaki terbabit yang tidak mahu mengambil tindakan sendiri, telah datang ke Balai Polis Jertih bagi membuat laporan,” katanya di sini, hari ini.

Abdul Rozak berkata sepasukan anggota dari Bahagian Persenjataan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Besut, bergegas ke tempat kejadian kemudian disusuli Unit Pemusnah Bom (UPB) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Terengganu.



Foto: Ihsan Polis Besut

Katanya, dua bom lama tersebut dikenal pasti sebagai Unexploded Ordnance (UXO) jenis Mortar 60mm dan keadaannya sudah berkarat.

“UPB telah menjalankan tindakan pemusnahan dilokasi dengan jayanya tanpa sebarang kerosakan harta benda mahupun kecederaan,” katanya.

Sementara itu menurut pemandu jentolak Nik Suhairi Azlan Latif, pada awalnya beliau menyangka objek tersebut merupakan mainan kanak-kanak.



Foto: Ihsan Polis Besut

“Ketika saya menggali lubang tiba-tiba objek itu tergolek atas tanah dan saya turun dari jentolak untuk memeriksa sama ada ia mainan atau sebaliknya.

“Saya agak terkejut apabila mendapati ia bom lama lalu saya segera membuat laporan di balai polis. Nasib baik saya tidak cuba pecahkan bom tersebut dengan mata jengkaut,” katanya ketika ditemui di tempat kejadian.— BERNAMA

BAYI LIMA BULAN, KANAK-KANAK CEDERA TERCAMPAK DARIPADA LORI

<https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/64012-bayi-lima-bulan-kanak-kanak-cedera-tercampak-daripada-lori>

Sumber : Berita RTM



PONTIAN, 23 Mei- Seorang bayi lelaki lima bulan, dan seorang kanak-kanak lelaki lima tahun cedera, selepas tercampak keluar daripada sebuah lori, yang terbabit kemalangan di Jalan Kayu Ara Pasong, Pontian, Johor, 3:21 petang semalam.

Turut cedera dalam kemalangan, ibu kepada dua beradik itu, berumur lingkungan 30-an.

Komander Operasi, Pegawai Bomba Kanan Satu Mohd Nazri Ahmad Shahidon memaklumkan, bapa kepada kanak-kanak berkenaan yang memandu lori tersebut bagaimanapun terselamat.

Kemalangan berlaku semasa keluarga itu dalam perjalanan ke tapak pasar malam untuk berniaga, sebelum lori tersebut hilang kawalan dan terbabas ke dalam parit.

Pasukan Keluaran Operasi (PKO) menggunakan peralatan khas untuk mengeluarkan mangsa wanita yang tersepit.

Operasi berjalan kurang sejam, melibatkan sepuluh anggota daripada Balai Bomba dan Penyelamat Pontian Baru.



(FOTO JBPM JOHOR)

WANITA JALAN KAKI DUA JAM SAMBIL DUKUNG ANAK

<https://www.kosmo.com.my/2023/05/23/wanita-jalan-kaki-dua-jam-sambil-dukung-anak/>

Sumber : Kosmo



PETALING JAYA – Seorang wanita nekad menumpangkan ibu dan anak yang ditemui berjalan kaki di tepi jalan ketika melalui sebuah jalan di Gambang, Pahang.

Menerusi perkongsian Noorjanah Ibrahim di akaun TikTok miliknya berkata, dia yang melalui kawasan tersebut melihat wanita berkenaan berjalan kaki di kawasan hutan sambil mengendong anaknya yang berusia lingkungan setahun.

“Masa ‘on the way’ balik kampung dari Kuantan saja ikut jalan lama. Tiba-tiba jumpa orang dukung anak,” katanya.

Ujar Noorjanah lagi, dia kemudian menyuruh suaminya yang memandu supaya berpatah balik untuk memeriksa keadaan ibu dan anak tersebut.

“Kami dah terlajak minta ‘husband’ patah balik juga sebab tak sampai hati tengok ibu dukung anak. Kiri, kanan hutan. Masa ni dekat Gambang,” ujarnya.

Tambahnya, setelah disoal, wanita tersebut yang merupakan Orang Asli mendakwa telah berjalan kaki selama dua jam untuk ke rumah ibunya.

“Rupanya dia dah jalan kaki 2 jam dari Gambang nak menuju ke Payar Bungor.

“Tanya ‘husband’ mana dia kata dah seminggu ‘husband’ tak pedulikan dia. Jadi dia nekad balik rumah mak dia jalan kaki,” katanya.

Menjengah ke ruangan komen, rata-rata orang ramai memuji sikap prihatin Noorjanah membantu wanita tersebut dan bersimpati dengan nasib wanita dan anaknya itu.

“Alhamdulillah, Allah hadirkan insan seperti awak. InsyaAllah akan ada balasan dan hikmah daripada pertolongan itu,” kata Mamasahira.

“Ibu, susah macam mana pun anak tu tetap di bawa. Dahlah bawa dalam perut 9 bulan dulu,” ujar Liza Sarudin.

Perkongsian tersebut tular sehingga memperoleh lebih 500,000 tontonan dan 28,400 tanda suka.
– KOSMO! ONLINE

PEKERJA PENYELENGGARAAN DIDENDA RM6,000 MILIKI 169 GAMBAR, VIDEO LUCAH

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pekerja-penyelenggaraan-didenda-rm6000-miliki-169-gambar-video-lucah-420788>

Sumber : Astro Awani



KUALA LUMPUR: Seorang pekerja penyelenggaraan didenda RM6,000 oleh Mahkamah Majistret Ampang hari ini kerana memiliki 169 gambar dan video lucah dalam telefon bimbitnya, tahun lepas.

Majistret Amalina Basirah Md Top menjatuhkan hukuman itu ke atas Mazlan Firdani Marzuki, 30, yang mengaku bersalah memiliki 92 kandungan gambar lucah dan 77 kandungan video lucah dalam telefon bimbitnya di sebuah rumah di Taman Ampang Indah, Ampang Jaya di sini pada 10.45 pagi, 20 April tahun lepas.

Pertuduhan mengikut Seksyen 292 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum tiga tahun atau denda atau kedua-duanya.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh menjalani hukuman penjara tiga bulan, sekiranya dia gagal membayar denda itu. Dia membayar denda berkenaan.

Terdahulu, Pegawai Pendakwa Nur Nazhzilah Mohammad Hashim dari Suruhanjaya Komunikasi Malaysia (MCMC) memohon hukuman setimpal sebagai pengajaran kepada tertuduh.

Peguam Ernie Ahmad dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) yang mewakili Mazlan Firdani memohon hukuman paling minimum atas alasan tertuduh merupakan bapa tiga anak serta penanggung utama keluarga.

"Anak-anak tertuduh berusia setahun hingga 14 tahun. Sepanjang siasatan dijalankan, tertuduh telah memberi kerjasama yang baik dalam kes ini. Anak guam saya juga memohon maaf selain berjanji tidak akan mengulangi perbuatan sama," kata peguam itu.

POLIS CARI PENUNGGANG MOTOSIKAL REMPUH KERETA WARGA EMAS

<https://malaysiagazette.com/2023/05/23/polis-cari-penunggang-motosikal-rempuh-kereta-warga-emas/>

Sumber : Malaysia Gazette



KUALA LUMPUR – Polis sedang mengesan seorang penunggang motosikal yang dipercayai melarikan diri selepas merempuh sebuah kereta dipandu warga emas di Batu 6, Jalan Gombak Lama, dekat sini, pada Ahad lalu.

Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Zainal Mohamed Mohamed berkata, pihaknya terkesan rakaman video berdurasi 50 saat memaparkan kemalangan jalan raya melibatkan sebuah kereta dengan sebuah motosikal yang telah tular di media sosial pada jam 8 malam, semalam.

Katanya, siasatan mendapati insiden itu berlaku pada jam 2 petang Ahad lalu jam semasa kereta yang dipandu seorang lelaki berusia 87 tahun keluar dari Kampung Kerdas menuju ke arah Gombak.

“Apabila sampai di lokasi kejadian ketika kereta itu hendak keluar simpang itu, tiba tiba telah dirempuh oleh sebuah motosikal yang datang dari arah kanan.

“Perlanggaran itu menyebabkan kereta yang dipandu warga emas itu kemudian terbabas ke bahu kiri jalan,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Tambah beliau, penunggang motosikal yang merempuh kereta itu pula tercampak ke atas jalan raya dan lelaki itu tidak mengalami kecederaan.

Zainal Mohamed berkata, siasatan dilakukan di bawah Peraturan 3(2)(B) LN166/5943(1).

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan insiden itu diminta menghubungi Pegawai Penyiasat Trafik, Sarjan Azamil di talian 0196004104 atau 0361262222 atau menyalurkannya di balai polis berhampiran. – MalaysiaGazette

WARGA EMAS MAUT, TERJATUH GAUNG DI GENTING HIGHLANDS

<https://www.edisi9.com.my/2023/05/warga-emas-maut-terjatuh-gaung-di-genting-highlands/>

Sumber : Edisi 9



SEORANG warga emas ditemui maut selepas terjatuh ke dalam gaung sedalam 20 meter di Kilometer 1 jalan naik Genting Highlands petang tadi.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Zulfadli Zakaria berkata, pihak [bomba](#) menerima panggilan kecemasan mengenai kejadian tersebut pada jam 2.53 petang.

“Seramai enam anggota dan dua pegawai bersama dua jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Genting Highlands dikerahkan ke tempat kejadian.

“Setiba di lokasi, dipercayai mangsa iaitu lelaki berusia 60-an itu tergelincir ketika melakukan lawatan tapak untuk kerja-kerja pemasangan paip di lereng bukit berkenaan.

“Pasukan bomba kemudiannya menjalankan kerja-kerja menyelamatkan mangsa dengan menggunakan tali dan pengusung untuk menaikkan mangsa,” katanya menerusi [kenyataan](#) di sini.

Tambah beliau, kerja-kerja menyelamatkan dijalankan bersama Unit Kebaran Genting dan mayat mangsa kemudiannya diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan selanjutnya. – Edisi 9

GADIS OKU MOHON BANTUAN KETUHAR BESAR BUAT BISKUT, KEK DAN PASTRY

<https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/gadis-oku-mohon-bantuan-ketuhar-besar-buat-biskut-kek-dan-pastri/>

Sumber : Utusan



JERANTUT: Hasrat gadis orang kurang upaya ([OKU](#)), Nurul Hidayah Saad, 20, untuk melebarkan perniagaan biskut, kek dan pastri kemungkinan terbantut kerana dia ketika ini hanya mempunyai ketuhar kecil bernilai RM700 yang dibeli oleh bapanya, Saad Yahya, 69, pada awal bulan Ramadan baru-baru ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Saad yang merupakan peneroka di Felda Kota Gelanggi Dua di sini berkata, dia mengeluarkan wang simpanannya untuk membeli ketuhar kecil memandangkan keperluan serta minat anaknya membuat biskut dan kek untuk dijual sempena Hari Raya Aidilfitri lalu.

“Disebabkan permintaan anak yang beria-ria untuk berniaga di rumah pada awal Ramadan lalu, saya pun terus membeli sebuah ketuhar yang murah sebagai galakan serta untuk tidak menghampakan permintaannya.

“Selepas memiliki ketuhar ini, saya agak terkejut kerana biskut yang dibuat oleh Nurul Hidayah mendapat pasaran cukup menggalakkan daripada pelanggan setempat, Bandar Jengka, Jerantut dan Temerloh, malah dia tidak menang tangan kerana banyak menerima tempahan luar,” katanya di sini semalam.

Menurut Saad, disebabkan saiz ketuhar yang kecil, gadis OKU cacat pendengaran itu hanya mampu menyiapkan 40 bekas biskut sahaja sehari berbanding tempahan yang melebihi jumlah tersebut.

“Anak saya dibantu ibunya yang terpaksa bersengkang mata menyediakan tempahan yang banyak daripada pelanggan kerana saiz ketuhar yang agak kecil,” katanya.

Sementara itu, Nurul Hidayah dengan bantuan komunikasi bapanya ketika ditanya berkata, semasa belajar di kelas pendidikan khas sekolah rendah dan sekolah menengah, dia sudah diajar oleh gurunya tentang cara membuat kuih komersial seperti biskut, kek dan pastri.

“Bermula di peringkat sekolah yang mengikuti pembelajaran setiap hari memberikan minat saya untuk memulakan perusahaan membuat biskut, kek dan pastri secara komersial selepas tamat sekolah.

“Saya berterima kasih kepada guru yang menggalakkan serta membantu sehingga berpeluang menjalani kursus di Pusat Latihan Perindustrian Pemulihan (PLPP) di Bangi, Selangor tahun lalu sehingga mampu berdikari menyediakan perusahaan makanan komersial ini,” katanya.

Namun, kata gadis OKU itu, dia memerlukan ketuhar yang besar untuk menyediakan lebih banyak biskut, kek dan pastri memandangkan ramai permintaan pelanggan yang menempah menerusi aplikasi WhatsApp dan laman sosial Facebooknya ‘Nurul Hidayah Saad’.

“Saya juga memerlukan sebuah peti sejuk dan peralatan mengadun untuk melebarkan perniagaan ini memandangkan bapa saya sudah membina sebuah bengkel kecil di depan rumah untuk membuat dan memasarkan biskut, kek dan pastri secara komersial,” katanya.

Agensi kerajaan, orang ramai dan dermawan yang ingin membantu Nurul Hidayah boleh menghubunginya menerusi talian 01128046129 atau terus ke akaun Bank Simpanan Nasional (BSN) gadis OKU itu bernombor 0630041000048857. [-UTUSAN](#)